



27 Ogos 2025  
27 August 2025  
P.U. (A) 275

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN  
(PINDAAN) (NO. 2) 2025

*FOOD (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA MAKANAN 1983

## PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 2) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 2) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2026.

**Peraturan baharu 130A**

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 130 peraturan yang berikut:

“Madu kelulut 130A. (1) Madu kelulut hendaklah bahan manis semula jadi dengan keasidan tertentu yang dihasilkan oleh kelulut tribus *Meliponini* daripada nektar tumbuhan atau daripada rembesan bahagian tumbuhan yang hidup, yang dikumpulkan oleh kelulut, berubah melalui penggabungan bahan tertentu kelulut itu sendiri, disimpan dan dibiarkan di dalam kantung madu propolis semula jadi sehingga masak dan matang.

(2) Madu kelulut hendaklah—

(a) mengandungi tidak kurang daripada 6 peratus trehalulosa;

(b) mengandungi tidak lebih daripada—

- (i) 22 peratus lembapan;
- (ii) 1.0 peratus abu;
- (iii) 40 peratus fruktosa;
- (iv) 40 peratus glukosa;
- (v) 10 peratus sukrosa; dan
- (vi) 80mg/kg hidrosimetilfurfural; dan

(c) mempunyai pH 2.5 hingga 3.8.

(3) Maka hendaklah ditulis pada label di atas sesuatu bungkusan yang mengandungi madu kelulut perkataan “madu kelulut”.

### Pindaan Jadual Kelima Belas

3. Jadual Kelima Belas kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Daftar I, dengan memasukkan selepas butiran “Telur cecair kering, kuning telur cecair kering dan putih telur cecair kering” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

<i>STANDARD MIKROBIOLOGI</i>			
<i>(1)</i> <i>Makanan</i>	<i>(2)</i> <i>Jumlah Kiraan</i> <i>Plat pada 37°C</i> <i>selama 48 jam</i>	<i>(3)</i> <i>Kiraan Koliform</i> <i>pada 37°C</i> <i>selama 48 jam</i>	<i>(4)</i> <i>Kiraan</i> <i>Escherichia</i> <i>coli</i>
“Madu kelulut	10 <sup>3</sup> setiap g	10 setiap g	-”

Dibuat 20 Ogos 2025  
[KKM.600-1/1/35; PN(PU2)418/JLD.30]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Menteri Kesihatan*

## FOOD ACT 1983

## FOOD (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [*Act 281*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Food (Amendment) (No. 2) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 March 2026.

**New regulation 130A**

2. The Food Regulations 1985 [*P.U. (A) 437/1985*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 130 the following regulation:

**“Kelulut honey**

**130A.** (1) Kelulut honey shall be a natural sweet substance with certain acidity produced by stingless bees of *Meliponini* tribe from the nectar of plants or from the secretion of living parts of plants, which the stingless bees collect, transformed with the combination of certain substances of their own, stored and left in the natural propolis honey pots to ripen and mature.

(2) Kelulut honey shall—

(a) contain not less than 6 per cent of trehalulose;

(b) contain not more than—

(i) 22 per cent of moisture;

- (ii) 1.0 per cent of ash;
- (iii) 40 per cent of fructose;
- (iv) 40 per cent of glucose;
- (v) 10 per cent of sucrose; and
- (vi) 80 mg/kg of hydroxymethylfurfural; and

(c) have a pH of 2.5 to 3.8.

(3) There shall be written on the label on a package containing kelulut honey the words “kelulut honey”.

#### **Amendment of Fifteenth Schedule**

3. The Fifteenth Schedule to the principal Regulations is amended in Table 1, by inserting after the item “Dried liquid egg, dried liquid egg yolk and dried liquid egg white” and the particulars relating to it the following item and particulars:

<i>MICROBIOLOGICAL STANDARD</i>			
<i>(1)</i> <i>Food</i>	<i>(2)</i> <i>Total Plate Count at 37°C for 48 hr.</i>	<i>(3)</i> <i>Coliform Count at 37°C for 48 hr.</i>	<i>(4)</i> <i>Escherichia coli Count</i>
“Kelulut honey	10 <sup>3</sup> per g	10 per g	-”

Made 20 August 2025  
[KKM.600-1/1/35; PN(PU2)418/JLD.30]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Minister of Health*